

 MDBG	BAHAGIAN PELESENAN JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.		
	SYARAT-SYARAT LESEN KEDAI MENCUCI KENDERAAN		
	Syarat-syarat/JP-MDBG/Lesen Kedai Mencuci Kenderaan	No. Telefon	05-3632020-3632030
		No. Fax	05-3665930
		E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my

1. Hanya premis perniagaan di lot tepi sahaja yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan mencuci kenderaan dan tidak bersebelahan dengan restoran atau menjual makanan dan minuman.
2. Premis perniagaan perlu dilengkapi dengan sistem perangkap minyak dan pasir.
3. Premis perniagaan hendaklah mempunyai sistem saliran air buangan hasil daripada aktiviti mencuci kenderaan yang teratur.
4. Hanya aktiviti mencuci dan mengilat kenderaan sahaja yang dibenarkan beroperasi. Premis juga hendaklah mempunyai ruang tempat meletak kenderaan yang mencukupi.
5. Dilarang menimbulkan sebarang jenis kacau ganggu semasa menjalankan aktiviti mencuci kenderaan.
6. Memastikan alat keselamatan yang mencukupi di premis perniagaan.
7. Memastikan susunatur barang-barang di dalam bangunan premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan pekerja.
8. Menyediakan kotak 'First Aid' yang lengkap dan ditempatkan di tempat yang bersesuaian.
9. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti mencuci kenderaan di luar premis perniagaan.
10. Memaklumkan kepada pihak MDBG sekiranya telah berpindah / bertukar hakmilik / tidak lagi menjalankan perniagaan.
11. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa MDBG dari semasa ke semasa.
12. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna (MGB 240 Liter / MGB 660 Liter) bagi premis perniagaan .
13. Tidak dibenarkan membina sebarang struktur tambahan bangunan sama ada di dalam atau luar premis perniagaan tanpa mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.
14. Tidak dibenarkan menghalang /menutup/ menggunakan petak meletak kenderaan dihadapan premis kecuali mendapat kebenaran daripada pihak Majlis.